



PERBADANAN ASET KERETAPI (KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA)

PELUANG KERJAYA DI PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC)

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia mempelawa calon-calon yang berkeelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

| BIL | JAWATAN/GRED | TARAF JAWATAN | BAHAGIAN/UNIT | KEKOSONGAN | MAKLUMAT KEKOSONGAN JAWATAN |
|-----|--------------------|------------------|---------------|------------|--------------------------------|
| 1 | Akauntan Gred WA44 | Tetap | Unit Kewangan | 1 | Rujuk Lampiran A |

SYARAT LANTIKAN WAJIB

Warganegara Malaysia
Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui capaian <https://apps.rac.gov.my/ejawatan/>

LOKASI PEJABAT

Perbadanan Aset Keretapi
Tingkat 16, IOI City Tower 2
Lebuhr IRC, IOI Resort City
62502 Putrajaya, Sepang, Selangor

TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada **14 November 2023** pukul **12.00 tengah hari**. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Sumber Manusia di talian 03-8939 0200 atau emel ke jobs@rac.gov.my

CATATAN AM

TEMPOH SAH LAKU permohonan ini adalah selama **6 bulan** dari tarikh tutup iklan dan hanya calon yang melepasi tapisan yang akan dipanggil untuk ditemuduga.

MAKLUMAT KEKOSONGAN JAWATAN

| BIL | JAWATAN/GRED | TARAF JAWATAN | BAHAGIAN/UNIT | KEKOSONGAN |
|-----|--------------------|---------------|---------------|------------|
| 1 | Akauntan Gred WA44 | Tetap | Unit Kewangan | 1 |

BUTIRAN LANTIKAN

| | | |
|---------------------------------|---|---|
| Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan dan Professional |
| Jadual Gaji | : | RM 3,600.00 (Minimum) RM 10,456.00 (Maksimum) |
| Kadar Elaun | : | Imbuhan Tetap Perumahan RM400.00 |
| | : | Imbuhan Tetap Keraian RM400.00 |
| | : | Bantuan Sara Hidup RM300.00 |
| Kelayakan Lantikan Terus | : | a) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda/tahap pendidikan yang bersesuaian; b) Merupakan ahli penuh Badan Profesional; dan c) Mempunyai Pengalaman kerja berkaitan dengan tempoh yang ditetapkan. |

SYARAT LANTIKAN

| | | |
|---------------------------------|---|---|
| Tahap Pendidikan | : | Ijazah Sarjana Muda |
| Bidang/ Kelayakan Khusus | : | Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. |
| Gaji Permulaan | : | RM 3,600.00 <u>ATAU</u> |
| Tahap Pendidikan | : | Badan Profesional |
| Bidang/ Kelayakan Khusus | : | lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan. |
| Gaji Permulaan | : | RM 3,600.00 <u>ATAU</u> |
| Tahap Pendidikan | : | Badan Profesional |
| Bidang/ Kelayakan Khusus | : | lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia. |
| Gaji Permulaan | : | RM 3,600.00 DAN |
| Kelayakan Bahasa Melayu | : | Kepujian di peringkat SPM/SVM (Sekurang-kurangnya Gred C) |
| Kemahiran | : | Microsoft Words, Power Point, Excel |
| Tempoh Pengalaman | : | Mempunyai Lima (5) tahun tempoh pengalaman bekerja dalam pengurusan perakaunan |
| Kelayakan Khusus | : | a) Merupakan Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan (ACCA) dan Ahli MIA; <u>atau</u> b) Ahli MIA |

DESKRIPSI TUGAS

- Menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Ketua Unit Kewangan dengan merancang, memantau, mengawalselia dan menguruskan kewangan RAC.
- Memastikan pengurusan kewangan di RAC mematuhi ketetapan Akta Keretapi 1991 dan prosedur/ pekeling kewangan yang berkuatkuasa yang diterima pakai oleh RAC;
- Mengendalikan pengurusan keseluruhan fungsi-fungsi perakaunan dan kewangan RAC termasuk penyediaan akaun dan melaksanakan analisis laporan kewangan serta memastikan penutupan akaun tahunan RAC dilaksanakan secara teratur dan betul;
- Menyelaras pengurusan aset dan perolehan di RAC berdasarkan prosedur/ pekeling kewangan yang berkuatkuasa yang diterima pakai oleh RAC;
- Menyemak dan menyelaras penyediaan garis panduan berkaitan kewangan, tatacara pengurusan aset, perolehan serta tatacara pengurusan kewangan di RAC; dan
- Memantau dan menyelia prestasi dan disiplin kakitangan bawahannya.